

07 MAY 2001

Samy-Universiti

RAMAI PELAJAR MISKIN BUKAN BUMIPUTERA BERPELUANG KE IPTA

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Kemungkinan kuota Bumiputera yang gagal diisi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dibuka kepada bukan Bumiputera akan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar cemerlang bukan Bumiputera dari keluarga miskin melanjutkan pelajaran di IPTA, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata ramai pelajar cemerlang bukan Bumiputera sebelum ini gagal melanjutkan pelajaran di IPTA kerana kuota bagi mereka sudah penuh.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan perayaan bulan penuh "Chitrai Pournami" di sebuah kuil di Jinjang dekat sini, Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau telah menyuarakan mengenai isu itu pada mesyuarat kabinet minggu lepas.

"Jemaah menteri telah meminta Menteri Pendidikan (Tan Sri Musa Mohamad) supaya mencari pendekatan yang sesuai bagi menangani masalah pelajar bukan Bumiputera gagal dalam permohonan mereka ke IPTA sungguhpun mereka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan," katanya.

Samy mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mungkin membuka kuota bagi pelajar Bumiputera yang gagal diisi di IPTA untuk dipenuhi oleh pelajar bukan Bumiputera.

Beliau berkata sungguhpun banyak universiti swasta ditubuhkan, kebanyakan ibu bapa masih berminat menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran ke IPTA kerana yuran pengajiannya jauh lebih rendah berbanding IPTS.

Samy berkata MIC telah menghantar 300 nama pelajar cemerlang dari keturunan India kepada Kementerian Pendidikan dua bulan lepas untuk dipertimbangkan masuk ke mana-mana IPTA yang sesuai dengan kelulusan mereka.

Katanya setiap tahun kira-kira 1,000 pelajar keturunan India meminta pertolongan MIC untuk mendapatkan tempat di IPTA.

Pada perkembangan lain, Samy berkata beliau mahukan supaya semua anggota parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri daripada MIC supaya mengamalkan sikap mesra rakyat.

"Oleh kerana mereka memperolehi kedudukan itu menerusi undi rakyat, maka sewajarnya mereka sentiasa turun ke padang dan mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh rakyat," katanya.

Mengenai perayaan "Chirai Pournami" itu, Samy berkata di Malaysia perayaan bagi penganut agama Hindu itu telah menjadi manifestasi perpaduan kaum dan toleransi agama di negara ini.

-- BERNAMA

AKT AZZ MOZ